

# SmartUMS mantapkan lagi kakitangan SSS

UB 13/08/2011 B8

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR  
nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Seramai 29 kakitangan Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghadiri Bengkel *SmartUMS* sebagai persediaan menerima pelajar baharu sesi 2011/2012 pada 7 September depan.

Bengkel ini mengabungkan tenaga akademik dan kakitangan bukan akademik yang merupakan kelompok penting dalam memacu kecemerlangan akademik SSS.

Dalam pada itu, SSS adalah sekolah pertama UMS yang mencapai 10 peratus penglibatan pegawai bukan akademik dalam penggunaan *SmartUMS* seperti yang disasarkan dalam ISO universiti terbabit.

Penutupan rasmi bengkel yang diadakan di Unit Media dan Teknologi Pendidikan (UMTP) ini disempurnakan oleh Dekan SSS, Prof Madya Inon Shahrudin Abdul Rahman.

Inon dalam ucapannya berkata, teknologi semakin maju dan berkembang yang mendesak manusia untuk memanfaatkan inovasi terutamanya untuk aspek



**AMANAT ... Inon Shahrudin (kanan) menyampaikan amanat kepada kakitangan SSS ketika hadir untuk merasmikan penutupan bengkel.**

pendidikan.

“Ketika ini, ramai antara kita yang sentiasa mengemaskini diri dengan gajet-gajet terbaru dan canggih agar tidak ketinggalan dalam arus perkembangan teknologi.

“Justeru, penganjuran ini dilihat wajar untuk mendedahkan kakitangan kepada teknologi terbaru bukan sahaja untuk memperkayakan pengetahuan mereka tetapi juga untuk kebaikan dan kemudahan pelajar,” katanya.

Tegasnya, perubahan semasa juga menjadikan penggunaan sistem e-Learning ini penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Tambahnya, memantapkan diri dengan teknologi semasa juga dapat membantu kakitangan menyokong usaha UMS dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan terbaik untuk pelajar mereka.

“Langkah ini turut mengambilkira kesesuaian sistem e-Learning dengan pelajar kontemporari yang sinonim dengan internet. Pelajar ketika ini juga lebih bertumpu kepada media sosial yang boleh memberi kelebihan kepada mereka untuk mendapatkan ilmu,” katanya.

Kata Inon, usaha ini adalah sebahagian daripada persiapan SSS memulakan semester baru dan menerima pelajar baru yang akan mendaftar pada minggu pertama Hari Raya Aidilfitri.



**BENGGEL... Sebahagian daripada pensyarah dan kakitangan SSS yang mengikuti bengkel terbabit.**